

Ambil berat *keselamatan*

Perketatkan langkah pencegahan dalam latihan ikhtiar hidup dianjurkan IPT

SABAK BERNAM - Semua institusi pengajian tinggi (IPT) yang menjalankan latihan ikhtiar hidup diingatkan mengambil berat soal keselamatan dan langkah pencegahan supaya peristiwa dua penuntut Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang terkorban selepas dihempap pokok di Air Terjun Lata Charok, Janda Baik, Bentong, tidak berulang.

Ahli Parlimen Sungai Besar, Budiman Mohd Zohdi berkata, program seperti itu masih boleh dilaksanakan, namun langkah pencegahan keselamatan perlu diperketat.

"Kadang-kadang bencana ini satu perkara yang kita tak nak ia berlaku, tetapi langkah pencegahan mesti diberi keutamaan," katanya kepada

Sinar Harian.

Terdahulu Budiman hadir pada Majlis Perasmian Penutup Program Bakti Siswa Universiti Putra Malaysia (UPM) di sebuah pekarangan kediaman penduduk di Parit 10 Ban Kanal, Pasir Panjang, di sini.

Mengulas desakan pihak tertentu yang mengesyorkan modul program seumpama itu dikaji, Budiman yang juga Adun Sungai Panjang berkata, program itu tidak memerlukan kajian semula.

"Cuma apa yang lebih penting, pihak UiTM perlu perketat kawalan keselamatan selain pelajar yang mengikuti program ini dilindungi insurans," katanya.

"Pihak universiti juga diingatkan mendapatkan kebenaran daripada pi-



Budiman beramah-mesra dengan beberapa penuntut UPM pada Program Bakti Siswa di Parit 10, Ban Kanal, Pasir Panjang, di sini.

hak berkuasa yang bertanggungjawab dan sepatutnya perkara ini mesti dimaklumkan kepada polis dan pihak yang terlibat

bagi mengelakkan sebarang kejadian tidak diinginkan," katanya.

Dalam kejadian kira-kira jam 4 pagi kelmarin,

dua pelajar UiTM Puncak Alam, Noorain Mohtar, 23, dan Muhammad Kamil Md Sukri, 22, maut dihempap pokok yang tumbang, ma-

nakala enam lagi cedera termasuk seorang yang parah ketika menjalani aktiviti perkhemahan di kawasan air terjun berkenaan.